

Ucapan ini disampaikan oleh

Y.B. En. Shariff Ahmad, Timbalan

Menteri Penerangan.

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN OMN,

TINDALAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS

PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS

LATIHAN ASAS DAN KURSUS SAINS

PENGURUSAN, DI HARLEQUIN ROOM, HOTEL

MERLIN, PADA 28hb MAC, 1975

JAM 7.30 MALAM.

Saudara Pengerah INTAN,
Yang Berbahagia, Pemangku Ketua Setiausaha Negara,
Datuk Abdullah Salleh,
Dhif-dhif kehormat,
Saudara-saudari sekalian.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa YAB Datuk Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri telah uzur sedikit dan berhalangan untuk hadir bersama-sama kita pada malam ini. Oleh yang demikian, YAB Datuk telah meminta saya menyampaikan ucapannya kepada majlis ini. Sebelum itu, YAB Datuk ingin menyampaikan salam hormat dan ucapan tahniah kepada saudara-saudari yang telah berjaya dalam Kursus Sains Pengurusan dan Latihan Asas Tadbir dan Diplomatik yang telah dilangsungkan baru-baru ini.

Dan sekarang, saya dengan sukacitanya menyampaikan ucapan tersebut.

Pertamanya, saya mengucapkan terimakasih kepada pihak INTAN kerana menjemput saya ke Majlis Penyempaiian Sijil kepada saudara-saudari yang telah tamat latihan, pada kali ini. Peluang ini dapatlah saya gunakan untuk menyampaikan pesanan terutama sekali mengenai peranan saudara- dalam pembangunan negara.

Saudara-saudari,

2. Kita sudah melihat kerajaan sekarang ini sedang menghadapi tanggungjawab yang sangat besar yang mesti dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya. Dalam konteks ini setiap orang mempunyai tugas yang penting. Saudara-saudari merupakan golongan cerdik pandai yang terpilih dan karena itu amatlah bertuah mendapat peluang ini untuk berkhidmat kepada negara bagi melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan kerajaan. Jaya atau tidaknya pelaksanaan dasar dan rancangan kerajaan bergantung kepada dayausaha pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat akan berasa kecewa jika pegawai-pegawai kerajaan tidak menjalankan tugas-tugas dengan penuh minat dan dedikasi.

3. Pada Tahun 1973 ini, Rancangan Malaysia kedua akan selesai dan Rancangan Malaysia ketiga sedang disusun dengan rancangan-rancangan yang lebih pesat daripada rancangan-rancangan sebelumnya. Harapan rakyat di atas kejayaan rancangan-rancangan tersebut amatlah tinggi sekali. Oleh itu pegawai-pegawai kerajaan hendaklah menjalankan tugas masing-masing dengan lebih gigih dan penuh dedikasi. Perhatian kita tidak boleh berbelah bagi dalam perkara ini dan saya percaya selama menjalankan kursus ini saudara-saudari mendapat inspirasi dan semangat untuk berkhidmat sepenuhnya kepada rakyat dan negara. Kalaupun suka saya mengingatkan yaitu dalam menjalankan tugas-tugas kelak kita tidak boleh mengharapkan segala-galanya akan berjalan dengan baik sebagaimana yang kita harapkan.

Bahkan mungkin terdapat suasana yang boleh menimbulkan 'frustration' sesama dalam hubungan dengan pegawai-pegawai lain mahupun dengan golongan lain rakyat sendiri. Hal ini harus saudara-saudari ingat kerana walau apapun rintangan dan perkara yang tidak menyenangkan kita masih tidak dapat lari daripada orang-orang rakyat berketetapan dengan tanggungjawab didalam pembangunan negara.

4. Seringkali dikatakan bahawa pada pandangan masyarakat umum pegawai-pegawai kerajaan/anggota muda diharap memainkan peranan sebagai 'agents of change'. Oleh itu mereka hendaklah melayakkan diri sebagai tenaga yang dinamik dan mempunyai keyakinan penuh mencapai kejayaan didalam pembangunan negara. Fakta inilah yang patut kita tunjukkan kepada rakyat dan sekiranya terdapat diantara

saudara-saudari yang tidak sungguh-sungguh menjalankan tugas sudah tentu rakyat tidak akan berdiin diri. Dan kalau tentu perkara ini benar, kedudukan saudara-saudari sendiri akan terjejas bukan sahaja dari pandangan kerajaan malah lebih penting dari pandangan rakyat. Ini mungkin akan menyukarkan lagi kedudukan saudara-saudari menjalankan dasar dan rancangan kerajaan dengan jayanya. Oleh itu peranan dan tanggung-jawab pegawai-pegawai kerajaan amatlah berat sekali dan cabaran ini mestilah saudara-saudara hadapi sebagai orang-orang yang terpilih dalam sains pengurusan.

Saudara-saudari sekalian,

4. Sebagai pegawai-pegawai muda yang baru memasuki perkhidmatan kerajaan, kita mesti sentiasa berhati-hati dalam menjalankan tugas dan kewajipan kita sehari-hari supaya tingkah-

laku dan tindakan kita akan menjadi contoh yang baik kepada kakitangan dibawah kita. Jangan sekali-kali kita membangga dan angah atas kelulusan tinggi kita terutama sekali jika kita berkhidmat diperingkat daerah atau di pejabat-pejabat yang mempunyai hubungan terus dengan rakyat. Sebaliknya kita hendaklah menunjukkan talsiatif, kecekapan dan semangat pengorbanan bagi mendapatkan keyakinan dan kepercayaan kakitangan di bawah kita khasnya dan rakyat jelata amnya.

6. Oleh kerana kita berkhidmat dengan Regera Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, mereka bukan sahaja akan menilai kecakapan seseorang pegawai yang menjalankan jentera pentadbiran bahkan seluruh 'performance' Kerajaan akan menjadi tujuan perhatian.

7. Mananglah wajar bagi pegawai-pegawai muda terulamanya mereka yang akan mempunyai hubungan terus dengan rakyat benar-benar memahami hakikat ini dan memberi pertolongan kepada semua golongan rakyat yang datang menemui kita. Rakyat di kawasan-kawasan luar bandar khususnya mengharapkan panduan, bimbingan dan pelajaran dan kita hendaklah sentiasa menunjukkan sikap yang boleh mendapatahkan kepercayaan dan keyakinan mereka.

8. Kita jangan sekali-kali bersikap dogmatik atau memberi layanan yang tidak sewajarnya kepada rakyat sabagai terpaksa seorang wakil rakyat mengiringi mereka bagi mendapatkan sesuatu pertolongan dan bantuan.

9. Satu perkara lagi yang saya akan ingatkan disini ialah pegawai-pegawai muda yang mempunyai daya-saha yang tinggi janganlah leras morose ketika jika sesuatu rancangan yang dikemukakan olehnya tidak mendapat perhatian oleh pegawai-pegawai atasan. Kita haruslah sentiasa menunjukkan ketekunan dan dedikasi kita dalam menjalankan tugas dan kewajipan kita itu.

10. Pegawai-pegawai muda juga harus menahami benar-benar dasar-dasar kerajaan dan hendaklah melaksanakannya sekalipun jika terdapat pertelingkahan pendapat dalam sesuatu perkara. Cara pelaksanaan adalah penting supaya sesuatu dasar kerajaan itu boleh mendapat hasil yang memuaskan dan sebagai pegawai kerajaan kita janganlah melibatkan diri kita dalam sebarang kegiatan yang boleh mencemarkan nama

baik kerajaan. Sebaliknya jika terdapat golongan yang menggugat atau mencaai kelemahan sesuatu dasar kerajaan, maka adalah menjadi tanggungjawab mereka mempertahankan serta menerangkan dengan jelas supaya sebarang kekeliruan itu dapat dihapuskan.

11. Saya berharap semua pegawai-pegawai Kerajaan maupun kakitangan yang berkhidmat dalam badan-badan berkenaan supaya faham mengenai pendirian dan kedudukan mereka supaya tidak disangka oleh rakyat.

12. Di dalam konteks ini saya mengucapkan tahniah kepada INTAN kerana telah berjaya mengadakan bukan sahaja Kursus Latihan Asas kepada pegawai-pegawai yang baru masuk berkhidmat malah kursus yang lebih mendalam iaitu Sains Pengurusan. Ini adalah satu langkah yang maju

kearah menunjukkan satu perkhidmatan yang lebih 'professional' dan 'action oriented' bukan sahaja dari segi sikap pegawai-pegawai kerajaan terhadap tugas tetapi dalam menjalankan tugas-tugas itu sendiri. Saya rasa mungkin ini adalah satu peralihan dari konsep pentadbir sebagai seorang 'generalist' kepada seorang 'professional' atau 'specialist' didalam bidang-bidang tertentu.

15. Sebagaimana yang sedia maklum perkhidmatan jentera kerajaan sekarang sudah lama beralih dari pentadbiran 'maintenance of law and orders'. Pada masa sekarang jentera kerajaan perlu dijalankan dengan lebih 'business like' lagi, lebih-lebih lagi dengan penyertaan secara langsung oleh kerajaan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak swasta. Dengan penyertaan kerajaan secara langsung terutama didalam bidang ekonomi maka

pentadbir-pentadbir perlu dapat berasing
dengan pihak swasta didalam memberi perkhidmatan
kepada rakyat. Oleh yang demikian sangatlah
perlu keaktifan kerajaan melengkapkan diri
dengan kemahiran-kemahiran yang dapat memastikan
kefektifan peraksanaan rancangan-rancangan
kerajaan.

14. Kepada pegawai yang telah tamat kursus
asas Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatika saya
sangat ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan
selamat datang ke Perkhidmatan Awam Malaysia.
Saudara-saudari telah pun tamat berkursus dan
sedang anda berkhidmat sebagai ahli perkhidmatan
yang terpilih didalam kerajaan Malaysia. Didalam
masa enam bulan yang lepas pihak INTAN telah
mencoba melengkapkan saudara-saudari dengan
pelajaran-pelajaran dan analisa-analisa untuk
menjadi pegawai-pegawai yang cekap dan berkualiti.

Walaupun bagaimanapun, didalam jangka masa perkhidmatan kelak, saudara-saudari akan menempuh berbagai rintangan yang memerlukan bukan hanya pelajaran yang kita dapati semasa di Universiti dan tetapi juga dedikasi dan semangat pengorbanan yang tinggi. Di dalam hal ini, mungkin pelajaran sahaja tidak mencukupi. Saudara-saudari memerlukan dayausaha dan 'resourcefulness' untuk menjadi seorang pegawai yang efektif dan dinamik. Pada hemat saya, faktor inilah yang membezakan diantara seorang pegawai yang sederhana atau 'mediocre' dengan seorang pegawai yang betul-betul baik dan berguna. Seperti yang saya telah terangkan tadi negara kita amat memerlukan pegawai-pegawai yang mempunyai quality ini. Saya percaya saudara-saudari semasa berkhidmat kelak, tidak akan menghampakan hasrat rakyat dan negara.

15. Sebelum mengakhiri ucapan ini, separkara yang saya ingin tegaskan disini ialah semangat bekerja. Saya diberitahu dan daripada tanda-tanda yang dapat kita lihat semangat bekerja di kalangan kakitangan Kerajaan agak berkurangan. Akibatnya semangat menuntut kenaikan gaji dan elaun makin bertambah. Ini satu perkembangan yang saya fikir kurang sihat. Semangat bekerja, terutama dalam zaman pembangunan negara yang kian pesat ini patutlah ditingkatkan. Kerajaan memanglah sedar betapa pentingnya menyesuaikan dan mengimbangkan pembayaran gaji dan elaun kepada pekerja-pekerja. Keupayaan ini adalah terhadap kepada kemampuan negara kita sendiri. Apa yang saya ingin tekankan bahawa saudara-saudari sebagai pegawai patutlah mempertingkatkan semangat bekerja terutama daripada segi 'Management Auditing' supaya pekerja-pekerja kita sentiasa sedar dan tekun dalam menghadapi tugas dan tanggungjawab.

Setiap pekerja patutlah sentiasa "loyal".

"Loyal" yang saya maksudkan di sini bukanlah dalam erti setia kepada negara tetapi "loyal" kepada perintah dan tanggungjawab dan lebih daripada itu "loyal" kepada tujuan ^{dan} amanah yang diberikan kepada kita sendiri.

Saudara-saudari sekalian,

16. Saya tidaklah berhajat hendak bercakap panjang malam ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas penghormatan ini. Saya doakan saudara-saudari sekalian selamat berkhidmat dan selamat maju jaya.

Terima kasih.



No. 211
No. Pendaftaran



No. Siri	147
No. Penerimaan	9/79